

**Ucapan: 19/11/2017**

**Majlis Perasmian Fiesta NBOS Sayang Malaysia, Bagan Datuk, Perak**  
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih kepada saudara dan saudari Pengacara Majlis

**YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi**

Timbalan Perdana Menteri Malaysia,

**YAB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir**

Menteri Besar Perak Darul Ridzuan,

**YB Datuk Seri Johari Bin Abdul Ghani**

Menteri Kewangan II,

**YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam**

Menteri Kesihatan,

**YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz**

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan,

**YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau**

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi,

**YB Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

**YB Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,

**YB Barisan Ahli-Ahli EXCO Negeri Perak,**

**YB Timbalan-Timbalan Menteri,**

**YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar bin Abdullah**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Tuan Rumah Fiesta NBOS Bagan Datuk,

**YBhg. Tan Sri Zainal Rahim bin Seman**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,

Dif-dif jemputan, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Sekalung penghargaan kepada YAB Timbalan Perdana Menteri di atas kesudian melancarkan dan merasmikan **Fiesta NBOS Sayang Malaysia** pada hari ini. Pemilihan Bagan Datuk sebagai lokasi Fiesta NBOS kali ini, amat sesuai bagi merapatkan kepimpinan negara dengan rakyat melalui program-program yang bercirikan kesejahteraan rakyat.
2. Jika Fiesta NBOS yang pertama diadakan di Pekan, Pahang, maka adalah bertepatan bahawa Fiesta NBOS yang kedua diadakan pula di Bagan Datuk, Perak. Sesungguhnya **YAB Timbalan Perdana Menteri merupakan penyokong kuat Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau disebut sebagai **NBOS**, yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri kita, iaitu Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak.

3. Untuk makluman saudara-saudari sekalian, keunikan program **Fiesta NBOS Sayang Malaysia** adalah ia menggabungkan banyak program NBOS daripada pelbagai kementerian dan agensi di satu lokasi.

Saudara-saudari sekalian,

4. Prinsip NBOS secara umumnya menekankan kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dengan mengaplikasikan tiga (3) prinsip utama iaitu: **impak tinggi, kos rendah dan pelaksanaan pantas**. NBOS juga membuka ruang dan peluang kepada kementerian, jabatan, agensi tidak kira di peringkat persekutuan, negeri atau pun daerah untuk bekerjasama sebagai satu pasukan dan memberi **fokus kepada pelanggan utama kerajaan, iaitu Rakyat jelata!**
5. Sehingga kini, terdapat lebih daripada 80 agensi terlibat dalam merealisasikan 115 inisiatif NBOS di serata pelusuk bumi bertuah, Malaysia tercinta. Kelompok utama inisiatif NBOS ini terdiri daripad**bidang keselamatan dan keamanan; integrasi bandar dan luar bandar; kesukarelawan; ekonomi dan keusahawanan; belia; wanita dan perkhidmatan awam**.
6. Kejayaan NBOS banyak terletak kepada komitmen yang diberikan oleh pihak kepimpinan negara iaitu YAB Perdana Menteri dan juga YAB Timbalan Perdana Menteri yang sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia.
7. Pada hari ini juga, kita akan **menantikan YAB Timbalan Perdana Menteri untuk mengumumkan beberapa program NBOS** baharu di sini!

Saudara-saudari sekalian,

8. Kita telah menyediakan pelbagai aktiviti untuk memeriahkan lagi suasana pada hari ini seperti senam robik, program kanak-kanak, sukaneka rakyat, pertandingan *Street*

*Soccer*, pertandingan memasak, *ninja warrior*, kiosk-kiosk pameran dan informasi agensi-agensi kerajaan, booth keusahawanan, cabutan bertuah dan pertandingan karaoke. Saya seronok bila melihat ramai orang Perak pakat mai ramai-ramai ke temasya ini terutamanya dari kawasan sekitar Bagan Datuk, Hutan Melintang, Teluk Intan dan sebagainya membanjiri **Padang Sekolah Menengah Kebangsaan Hutan Melintang, Bagan Datuk, Perak** pada pagi ini.

9. Akhir kata NBOS beri peluang merapatkan jurang antara rakyat dan pemimpin dok ramai-ramai merebut peluang sambil mengenali inisiatif NBOS di samping berhibur dan ber-rekreasi.

Makan tempoyak terasa nikmat  
Makan bersama penuh berkat  
Kami bertandang beri khidmat  
Pemimpin dan rakyat pupuk muafakat

Sekian,  
Wabillahi taufik walhidayah,  
Wassalamualaikum warahmatullahi

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19178/Majlis-Perasmian-Fiesta-NBOS-Sayang-Malaysia-Bagan-Datuk-Perak>